

**SOALAN-SOALAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, TAHUN PERTAMA,
DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS, PERAK DARUL RIDZUAN
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

PADA 29 DISEMBER 2022 (KHAMIS)

1. YB ENCIK SALLEHUDDIN BIN ABDULLAH (SELINSING)

2) Memperkasa Institusi Pendidikan KAFA

- a) Berapakah peratusan penyertaan murid-murid di sekolah-sekolah KAFA di seluruh negeri Perak dan di daerah Kerian?
- b) Senaraikan perancangan kerajaan negeri Perak bagi memastikan tiada murid yang tercicir daripada menyertai kelas KAFA
- c) Adakah ada perancangan untuk menyediakan peruntukan khusus untuk penyelenggaraan dan menaiktaraf kemudahan sekolah-sekolah KAFA?

2. YB ENCIK HASHIM BIN BUJANG (BUKIT CHANDAN)

2) Perkhidmatan internet adalah satu keperluan di masa sekarang.

Soalan saya, Apakah langkah-langkah kerajaan Negeri Perak untuk menambahbaik mutu perkhidmatan kelajuan internet di kawasan pinggir bandar, luar bandar, kampung-kampung dan kawasan pendalaman termasuk kawasan orang asli di Negeri Perak ini?

3. YB ENCIK ISHSAM BIN SHAHRUDDIN (AYER KUNING)

1) Masalah kesesakan jalan raya utama di persimpangan lampu isyarat dihadapan Hospital Tapah dan Pekan Tapah yang semakin serius sehingga mengganggu penduduk setempat yang keluar dan pulang bekerja setiap hari.

- a) Apakah solusi jangka pendek yang kerajaan sediakan bagi mengawal kesesakan lalulintas di kawasan tersebut?
- b) Adakah kerajaan mempunyai pelan jangka panjang yang menyeluruh bagi memastikan tidak ada lagi masalah kesesakan lalulintas di kawasan tersebut?
- c) Adakah kerajaan merancang untuk melebarkan jalan di kawasan tersebut dimana jalan tersebut adalah jalan utama bagi kenderaan yang tidak menggunakan lebuh raya?

4. **YB ENCIK ONG SENG GUAN (POKOK ASSAM)**

- 3) Longgokan sampah haram merupakan salah satu isu yang sukar ditangani oleh PBT disebabkan penguatkuasaan yang lemah. Mohon penjelasan:
- a) Apakah usaha yang akan diambil oleh kerajaan negeri untuk membantu MPT dalam menangani masalah sampah haram?
 - b) Selain pendidikan dan kesedaran, adakah penguatkuasaan yang ketat akan dijalankan untuk menangani masalah sampah haram?
 - c) Adakah kerajaan negeri menyediakan peruntukan untuk MPT memasang CCTV di lokasi longgokan sampah haram?

5. **YB DR NAJIHATUSSALEHAH BINTI AHMAD (BOTA)**

- 2) Mohon penjelasan tentang jumlah Pusat Aktiviti Warga Emas yang terdapat di Negeri Perak?
- I. Berapakah peruntukan kerajaan negeri untuk setiap PAWE?
 - II. Adakah kerajaan negeri boleh meneruskan peruntukan tersebut jika ADUN2 mahu menjadi pemudah cara bagi pembukaan PAWE?

6. **YB ENCIK BERHANUDIN BIN AHMAD (MANONG)**

- 2) Indeks Jaminan Bekalan Makanan (Food Security) menawarkan EMPAT (4) indikator utama iaitu ketersediaan makanan, akses makanan, penggunaan makanan dan kestabilan makanan. Apakah inisiatif kerajaan bagi melaksanakan EMPAT (4) indikator tersebut di kawasan Manong?
- a) Apakah usaha kerajaan untuk menggiatkan bidang akuakultur, tanaman dan penternakan di kawasan Manong?
 - b) Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan bagi mengawal musuh-musuh tanaman seperti kera, khinzir dan lain-lain di kawasan Manong?

7. **YB PUAN BAVANI A/P VERAIAH (MALIM NAWAR)**

- 1) Apakah strategi kerajaan negeri untuk menangani golongan remaja yang terpedaya dengan gejala sosial yang berterusan dan apakah inisiatif yang dilaksanakan untuk mencapai kesejahteraan bersama?

8. **YB ENCIK GOH SEE HUA (PASIR PINJI)**

1) Pelaburan

- a) Apakah pencapaian kerajaan negeri dalam tahun 2022 sehingga kini bagi sektor pelaburan?
- b) Berapakah jumlah modal pelaburan asing yang melabur di negeri pada tahun 2022?
- c) Apakah usaha dan pelan strategi oleh kerajaan negeri untuk menarik minat pelabur asing?

9. **YB ENCIK KHALIL BIN YAHAYA (KUBU GAJAH)**

- 2) Permohonan lampu jalan telah sekian lama tidak diteruskan oleh pihak kerajaan sedangkan permintaan daripada masyarakat terlalu tinggi. Apakah tindakan dan perancangan pihak kerajaan bagi menyelesaikan isu yang sangat penting ini?

10. **YB ENCIK TIW TEE SIANG (TRONOH)**

- 3) Prestasi Puncak Emas Infra Sdn Bhd (PEISB) adalah kurang memuaskan sehingga hari ini. Aduan yang dibuat melalui SISPAA (No Rujukan: KES PERAK.016848: LONGKANG PECAH & HAMPIR RUNTUH) masih tidak dibaiki oleh PEISB sehingga hari ini sejak 18 Oktober 2022.
- a) Sila nyatakan jumlah amaun potongan dan peratusan yang telah dikenakan oleh Pejabat Kewangan Negeri (PKN) terhadap PEISB.
 - b) Berapakah aduan yang masih belum diselesaikan oleh PEISB di seluruh DUN Tronoh?

11. **YB ENCIK ZAFARULAZHAN BIN ZAN (KAMPONG GAJAH)**

- 2) Generasi ke-2 Felcra Changkat Lada masih ramai yang belum mempunyai rumah. Apakah tindakan kerajaan agar generasi muda ini diberi tapak rumah?

Rumah bagi generasi ke-2 telah disiapkan oleh pemaju di Changkat Lada. Mengapa tidak dipermudahkan proses kelulusan untuk pemilikan. Seheinggakan terpaksa membuat pinjaman bank dalam masa yang sama sebahagian anak-anak muda ini mereka bekerja sendiri dan tiada kelayakan memohon pinjaman.

12. **YB ENCIK CHEAH POU HIAN (JELAPANG)**

3) Lampu isyarat yang tidak sesuai dan lampu jalan yang rosak menyebabkan persimpangan Jalan Kledang gelap serta banyak berlaku kemalangan. Walaupun banyak surat dihantar kepada Pegawai Daerah dan JKR namun tiada tindakan. Isu ini telah berlarutan sejak saya menjadi ADUN Jelapang.

- a) Bila dan apakah tindakan yang akan diambil bagi mengatasi isu ini khususnya lampu isyarat yang tidak sesuai di persimpangan tersebut?
- b) Bilakah lampu jalan di Lebuhraya ipoh-lumut dari persimpangan jalan kledang ke persiaran kledang permai akan dibaiki?

13. **YB ENCIK ROSLI BIN ABD RAHMAN (PASIR PANJANG)**

1) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memulihkan sektor pelancongan yang lumpuh akibat Covid19?

14. **YB ENCIK RAHIM BIN ISMAIL (CHANGKAT JERING)**

3) Adakah Kerajaan Negeri masih bercadang untuk memberi geran tanah kekal (999 tahun) terhadap kampung - kampung baru

15. **YB ENCIK ONG BOON PIOW (BERCHAM)**

1) Berkenaan dengan pembangunan jalan di negeri Perak

- a) Sila jelaskan SOP pihak Puncak Emas Infra Sdn Bhd, dan JKR untuk menyelesaikan masalah "potholes" setelah terima aduan rasmi orang awam?
- b) Sila jelaskan terdapat berapa kes-kes yang melibatkan masalah permukaan jalan yang mengakibatkan kemalangan jalan raya, kini menghadapi pertuduhan mahkamah dimana plaintif adalah orang awam, bagi tahun 2018 hingga 2022?
- c) Sila jelaskan dalam DUN Bercham, manakah jalan-jalan yang akan diturap keseluruhan?

16. **YB ENCIK CHOONG SHIN HENG (CHENDERANG)**

1) Masalah kesesakan lalu lintas di pekan Tapah

- a) Adakah kerajaan mempunyai hasrat untuk memperbesarkan jalan berkenaan atau cadangan pembinaan jalan alternatif demi menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas memandangkan jumlah kenderaan yang menggunakan jalan berkenaan telah bertambah dari masa ke semasa?
- b) Jika ada rancangan, nyatakan jangka masa mula dan siap projek tersebut?

17. **YB ENCIK JASON NG THIEN YEONG (ASTAKA)**

- 3) YB Jason Ng Thien Yeong (ASTAKA) minta Menteri Besar menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah lalat di sekitar kawasan Sitiawan dan kawasan-kawasan berhampiran

18. **YB ENCIK AZIZI BIN MOHAMED RIDZUWAN (LUBOK MERBAU)**

- 1) Saya mohon penjelasan pihak Kerajaan Negeri Perak berkaitan kewujudan rumah-rumah ibadat, terutamanya kuil dan tokong yang dibina tanpa mengikut garis panduan dan undang undang yang mengawalinya. Ada rumah ibadat yang dibina di tempat yang tidak sepatutnya, hingga membahayakan nyawa pengguna jalan raya. Saya menggesa Pihak kerajaan supaya bertegas, dan dapat memberikan solusi terbaik dalam menangani isu ini

19. **YB ENCIK CHOONG SHIN HENG (CHENDERIANG)**

- 2) Banjir kilat sering melanda Bandar Tapah, kampung baru Chenderiang, kampung baru Pahang, kampung Samy dan taman-taman perumahan yang dikenalpasti berpunca dari sistem saliran dan sungai. Ini telah menyebabkan kerugian kepada masyarakat setempat dan menjejaskan urusan harian mereka.
 - a) Apakah cara penyelesaian dan langkah pencegahan yang akan diambil bagi megelakkan kejadian banjir kilat berulang?
 - b) Adakah pihak kerajaan bercadang akan menaiktarafkan sistem peparitan dan sungai di sekitar kawasan yang sering melanda banjir kilat?
 - c) Apakah status terkini projek-projek tebatan banjir di Tapah dan dimanakah kawasan-kawasan yang terlibat dengan projek tebatan banjir?